

SAMBUTAN HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA 2017 ANJURAN MYSIHAT BERSAMA SUNWAY GROUP DI SUNWAY PUTRA MALL

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) bersama Kumpulan Sunway dengan sokongan Kementerian Kesihatan Malaysia telah menganjurkan Sambutan Hari Tanpa Tembakau 2017. Acara sambutan ini diadakan pada 20 Jun 2017 (Selasa) bertempat di Sunway Putra Mall, Kuala Lumpur dengan disempurnakan oleh **YB Datuk Seri Dr. S.Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia** pada jam 5.00 petang.

Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia diadakan pada tanggal **31 Mei** setiap tahun di seluruh dunia dengan bertujuan untuk memastikan masyarakat dunia mendapat kesedaran dan melakukan tindakan dalam menangani dan meningkatkan kesedaran dalam isu tembakau. Pada Tahun 2017, **World Health Organization (WHO)** telah memilih tema "**Tobacco – A Threat To Development**".

Di Malaysia, tema bagi Sambutan Hari Tanpa Tembakau Bagi Tahun 2017 pula adalah "**Amalan Merokok: Ancaman kepada Generasi Masa Depan Negara.**" Tema sambutan ini dipilih bertujuan untuk menghebahkan kepada rakyat Malaysia hubungkait di antara budaya hidup sihat tanpa amalan merokok dan kesan positifnya ke atas pembangunan negara bahawa nasib generasi akan datang sangat bergantung kepada amalan gaya hidup sihat di mana amalan merokok perlu dihapuskan sama sekali. Usaha ini juga memerlukan penglibatan semua pihak agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan untuk bersama-sama menyumbang ke arah kawalan tembakau negara dengan menekankan pembudayaan hidup sihat tanpa amalan merokok, selaras dengan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau 2015-2020.

Pihak Sunway Group juga memainkan peranan dalam menyokong hasrat di atas dengan meletakkan sasaran lima tahun untuk menjadikan semua premis yang dimiliki konglomerat ini 100% bebas asap rokok pada tahun 2018. Langkah ini wajar diteladani oleh sektor swasta dan korporat yang lain.

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan 22.8 peratus atau bersamaan 5 juta rakyat Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas merupakan perokok. Peratusan ini tertinggi dalam kalangan rakyat berumur 20 hingga 54 tahun dengan majoriti daripada kaum lelaki iaitu 43 peratus yang tergolong dalam kumpulan yang masih produktif sebagai pekerja yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Lebih 1/3 atau 2.8 juta merupakan perokok pasif yang akan membahayakan kesihatan sama seperti perokok aktif. Perokok pasif adalah orang yang dipaksa menyedut asap rokok basi yang datang dari perokok.

Sempena sambutan yang diadakan ini diharapkan supaya semua pihak samada kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta, masyarakat dan lain-lain berganding bahu agar tidak memberikan sebarang bentuk ruang kepada amalan merokok dalam masyarakat kerana ianya akan merosakkan masa depan generasi muda Malaysia. Komitmen ini perlu diiringi dengan menolak sebarang bentuk tajaan, lobi, iklan serta usaha melalui tanggungjawab sosial korporat oleh industri tembakau dan yang berkaitan dalam menggalakkan amalan negatif ini.

Setiap kedatangan bulan Ramadan setiap tahun juga, pihak kementerian berusaha membendung amalan merokok dengan meningkatkan promosi "Nafas Baru Bermula Ramadhan" di masjid serta surau seluruh negara melalui Jabatan-Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah. Dengan harapan bermula dengan nafas baharu, masyarakat akan lebih peka dengan persekitaran yang sihat dan udara yang bebas daripada asap rokok demi masa hadapan generasi.

MySihat mengucapkan setinggi penghargaan di atas kerjasama strategik yang wujud di antara pihak kerajaan, sektor swasta serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) secara konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan Perkongsian Sektor Awam, Swasta & Badan Bukan Kerajaan (PPP) dalam memperluas dan mempertingkatkan program-program kesihatan dalam membendung kawalan asap tembakau di kalangan masyarakat Malaysia. Malah komitmen Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam menjadikan KL Bebas Asap Rokok telah mula digerakkan mulai 18 Mei 2017 selaras dengan pewartaan semua laluan pejalan kaki berbumbung yang wajar mendapat pujian. MySihat berharap sokongan dan sumbangan ini akan berterusan demi

mempertingkatkan kualiti kesihatan masyarakat Malaysia ke tahap yang lebih baik.





